

POLISI INSURANS HAYAT ETIQA

Ezy-Life Secure

PENYATA MAKLUMAT POLISI

Pembayaran Premium yang diperlukan	<p>Setiap Pemilik Polisi mempunyai tanggungjawab untuk membayar Premium kepada Kami. Premium pertama perlu dibayar semasa Tarikh Permulaan. Sebarang Premium lanjutan perlu dibayar pada setiap ulang tahun bulanan atau tahunan dari Tarikh Permulaan, mengikut Mod Premium.</p> <p>Premium adalah ditentukan berdasarkan kepada terma-terma yang terpakai pada Tarikh Permulaan. Terma-terma ini adalah seperti yang dipersetujui di antara Pemilik Polisi dan Kami.</p>
Terma-terma penyelesaian Premium	<p>Premium perlu diselesaikan melalui pembayaran daripada Pemilik Polisi kepada Kami.</p> <p>Pembayaran oleh Pemilik Polisi mesti secara auto debit ke atas kad kredit kepada Kami. Kami menerima kad kredit Visa dan MasterCard. Kami mempunyai hak untuk mempelbagaikan kaedah pembayaran dari masa ke masa, yang akan dimaklumkan kepada Anda melalui saluran-saluran atau medium-medium yang akan Kami tentukan.</p> <p>Pembayaran Premium perlu diterima dalam Tempoh Tangguh dari tarikh Premium tersebut perlu dibayar. Sekiranya Premium yang perlu dibayar tersebut tidak diterima dalam masa Tempoh Tangguh, dan peruntukan tidak lucut hak masih belum dilaksanakan, Kami akan dilepaskan daripada apa-apa liabiliti selanjutnya di bawah Polisi ini dari tarikh Premium perlu dibayar.</p>
Hak untuk menamatkan Polisi	<p>Pemilik Polisi mempunyai hak untuk menamatkan Polisi, atas apa juar sebab.</p> <p>Sekiranya penamatan semasa Tempoh Percuma selama lima belas (15) hari, Pemilik Polisi mempunyai hak untuk mendapat bayaran balik. Bayaran balik yang akan dikembalikan adalah Premium yang diterima oleh Kami. Notis mestilah diterima semasa Tempoh Percuma. Polisi juga akan dianggap telah diterima oleh Kami pada tarikh ia dihantar secara peribadi, tarikh penghantaran sekiranya dihantar menggunakan pos berdaftar, atau tarikh transmisi sekiranya transmisi secara elektronik digunakan.</p> <p>Sekiranya penamatan selepas Tempoh Percuma, Pemilik Polisi mempunyai hak untuk menerima manfaat serahan mengikut terma-terma dan syarat-syarat di bawah Polisi. Sekiranya Pemilik Polisi memohon untuk menamatkan polisi, maka Nilai Serahan mungkin adalah kurang daripada jumlah Premium yang telah dibayar.</p>
Hak untuk menamakan Manfaat Insurans	<p>Sekiranya Pemilik Polisi adalah Orang Yang Diinsuranskan, Pemilik Polisi ini boleh menamakan seseorang untuk menerima Manfaat Insurans yang akan dibayar sekiranya berlaku kematian Orang Yang Diinsuranskan.</p> <p>Penamaan mestilah didaftarkan kepada Kami, dan boleh dibuat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Semasa permohonan dibuat; atau 2) Dengan memaklumkan kepada Kami secara bertulis, pada bila-bila masa selepas Polisi dikeluarkan. <p>Pemilik Polisi boleh menentukan bahagian pengagihan untuk dibayar kepada setiap Penama. Jika tiada arahan pengagihan diterima, Kami akan membayar Penama secara sama rata.</p> <p>Penamaan oleh Pemilik Polisi dibawah Amanah, tanpa mengambil kira mana-mana undang-undang bertulis, tidak akan membentuk sebahagian daripada harta pusaka Orang Yang Diinsuranskan, atau tertakluk kepada hutang mereka.</p> <p>Selepas pembayaran Manfaat Insurans, Kami akah dilepaskan dari sebarang liabiliti di bawah Polisi ini.</p>

Hak untuk menyerahkan hak Polisi	<p>Sekiranya Pemilik Polisi adalah Orang Yang Diinsuranskan, Pemilik Polisi bagi Polisi tersebut boleh menyerahkan hak kepada seorang individu untuk memindahkan pemilikan Polisi kepada individu tersebut.</p> <p>Penyerahan hak mestilah didaftarkan kepada Kami, dan boleh dibuat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Pada masa permohonan dibuat; atau 2) Memaklumkan kepada Kami secara bertulis, pada bila-bila masa selepas Polisi dikeluarkan. <p>Kami tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kesahihan atau kecukupan serahan hak tersebut,</p>
Hak untuk membatalkan penamaan	<p>Penamaan akan dibatalkan:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Apabila Penama meninggal dunia, atau jika terdapat lebih daripada seorang Penama, kesemua Penama meninggal dunia semasa Pemilik Polisi masih hidup; 2) Melalui notis bertulis daripada Pemilik Polisi kepada Kami; atau 3) Melalui penamaan berikutnya yang dilakukan oleh Pemilik Polisi kepada Kami. <p>Tertakluk kepada perkara di atas, penamaan tidak akan dibatalkan melalui wasiat atau dengan apa-apa tindakan, peristiwa atau cara-cara lain.</p> <p>Pembatalan penamaan memerlukan kebenaran daripada pemegang amanah jika ada polisi amanah diwujudkan.</p>
Hak untuk membatalkan penyerahan hak	<p>Sesuatu penyerahan hak hendaklah dibatalkan melalui notis secara bertulis daripada pemegang serah hak kepada Kami.</p>
Proses tuntutan dan bagaimana membuat tuntutan	<p>Pihak Menuntut hendaklah memaklumkan kepada Kami mengenai suatu tuntutan bagi apa-apa Manfaat Insurans dengan menulis ke alamat Kami, dalam tempoh masa pemberian notis. Pemberitahuan tuntutan mestilah mengemukakan bukti umur Orang Yang Diinsuranskan seperti salinan kad pengenalan atau pasport, dan dokumen-dokumen tuntutan yang lain .Tempoh notis tuntutan dan dokumentasi tuntutan adalah khusus kepada jenis Manfaat Insurans mengikut terma-terma dan syarat-syarat di dalam Polisi.</p> <p>Notis tuntutan boleh dikemukakan selepas tempoh masa pemberitahuan notis, jika ia boleh dibuktikan notis tersebut telah diserahkan seberapa segera yang mungkin.</p> <p>Sekiranya sebarang bantuan diperlukan apabila membuat tuntutan, Pihak Menuntut perlu menghubungi Etiqa Oneline di 1-300-13-8888.</p> <p>Dokumen tambahan mungkin akan diminta oleh Kami semasa Pihak Menuntut memaklumkan Kami mengenai tuntutan, atau selepas penilaian awal dokumen yang disertakan dengan borang tuntutan. Pihak Menuntut akan dimaklumkan secara bertulis mengenai sebarang keperluan dokumen tambahan.</p> <p>Dokumen bagi menyokong tuntutan hendaklah disediakan atas tanggungan Pihak Menuntut.</p> <p>Setelah semua dokumen diterima oleh Kami, Kami akan menerima atau menolak tuntutan untuk Manfaat Insurans mengikut terma dan syarat Polisi. Keputusan tuntutan oleh Kami akan dimaklumkan kepada Pihak Menuntut secara bertulis. Kami berhak untuk menolak apa-apa caj yang berkenaan dan amaun tertunggak yang terhutang kepada Kami sebelum membayar tuntutan bagi Polisi ini.</p>
Bagaimana untuk menghubungi Kami	<p>Jika Anda perlu menghubungi Kami, atau mempunyai apa-apa soalan berhubung dengan Polisi, atau memerlukan apa-apa perubahan kepada kandungan di dalam Polisi, sila tulis ke alamat pos Kami: Etiqa Life Insurance Berhad, Dataran Maybank, No 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur, atau melalui faksimili 03-2297 3800, atau e-mel di info@etiqua.com.my, atau hubungi 03-2297 3888, atau Etiqa Oneline di 1300-13-8888.</p>
Apa yang perlu dilakukan jika Anda menukar alamat	<p>Sila hubungi Kami dengan segera sekiranya Anda menukar alamat Anda. Ini bagi memastikan Kami boleh menghubungi Anda dengan kadar segera.</p>
Bagaimana untuk membuat aduan kepada Kami	<p>Jika Pihak Menuntut atau Pemilik Polisi tidak berpuas hati dengan perkhidmatan Kami di bawah Polisi ini, sila tulis ke alamat pos Kami: Unit Pengurusan Aduan, Etiqa Life Insurance Berhad, Aras 6, Menara B, Dataran Maybank, No 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur, faksimili ke 03-2297 1919, atau e-mel ke complaint_cmu@etiqua.com.my. Nombor telefon Kami adalah 1-300-13-8888 (untuk pemanggil luar negara nombor talian adalah +603-2780 4500).</p>
Bagaimana untuk membuat aduan kepada pengawal selia kerajaan	<p>Jika Pihak Menuntut atau Pemilik Polisi tidak berpuas hati dengan cara pengendalian Kami, sila tulis kepada BNM, termasuk butir-butir cara pengendalian, jenis pertikaian, nama Kami, nombor Polisi, dan apa-apa surat-menjurat di antara Pihak Menuntut atau Pemilik Polisi dan Kami.</p> <p>Sebarang surat-menjurat boleh dihantarkan ke BNM: Pengarah, Jabatan LINK dan Pejabat Wilayah, Bank Negara Malaysia, Peti Surat 10922, 50929 Kuala Lumpur, atau faksimili ke 03-2174 1515, atau e-mel ke bnmlink@bnm.gov.my. Nombor telefon BNM adalah 1-300-88-5465.</p>

Bagaimana untuk menyelesaikan pertikaian melalui pengantara	<p>Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OPK) boleh dihubungi oleh Pihak Menuntut atau Pemilik Polisi, sekiranya Pihak Menuntut atau Pemilik Polisi tidak berpuas hati dengan keputusan Etiqa Life Insurance Berhad terhadap sebarang pertikaian, atau kegagalan Etiqa Life Insurance Berhad untuk memberi maklum balas balas terhadap sebarang aduan dalam tempoh enam puluh (60) hari. Anda boleh menghubungi OPK melalui:</p> <p>Emel : enquiry@ofs.org.my atau Faks : 603-2272 1577 atau Alamat Pos: Ketua Pegawai Eksekutif, Ombudsman Perkhidmatan Kewangan Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia, No.4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000, Kuala Lumpur.</p> <p>Sebagai alternatif, Pihak Menuntut atau Pemilik Polisi boleh memfailkan pertikaian itu secara peribadi di pejabat OPK.</p> <p>OPK perlu dihubungi dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh keputusan muktamad dari Etiqa Life Insurance Berhad berkenaan pertikaian yang dibuat Pihak Menuntut atau Pemilik Polisi.</p> <p>Untuk maklumat lanjut mengenai OPK, sila dapatkan risalah maklumat daripada Etiqa Life Insurance Berhad atau layari laman web OPK di www.ofs.org.my.</p> <p>Penglibatan OPK adalah tertakluk kepada terma-terma rujukan menurut seksyen 126 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Menghubungi OPK tidak akan menjelaskan hak Pihak Menuntut atau Pemilik Polisi untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap Etiqa Life Insurance Berhad sekiranya mereka tidak berpuas hati dengan keputusan oleh OPK.</p>
Bagaimana untuk menyelesaikan pertikaian melalui penimbangtara	<p>Jika Pihak Menuntut atau Pemilik Polisi mempertikaikan keputusan yang telah Kami buat berkaitan dengan Polisi ini, dan tidak mahu untuk menggunakan pengantara bagi pertikaian itu, atau tidak menerima keputusan OPK selepas pengantara, Pihak Menuntut atau Pemilik Polisi boleh merujuk kepada penimbangtara. Permohonan untuk rujukan hendaklah dibuat dalam tempoh dua belas (12) bulan daripada pemberitahuan keputusan tersebut.</p> <p>Pihak Menuntut atau Pemilik Polisi dan Kami akan cuba untuk sama-sama bersetuju untuk melantik seorang Penimbangtara. Jika Pihak Menuntut atau Pemilik Polisi dan Kami tidak dapat bersetuju dengan seorang Penimbangtara dalam tempoh satu (1) bulan notis timbangtara, maka Pihak Menuntut atau Pemilik Polisi dan Kami perlu melantik seorang Penimbangtara bagi setiap pihak, dan kedua-dua Penimbangtara akan melantik seorang pengadil. Pengadil hendaklah bersidang bersama Penimbangtara dan mempergerusikan persidangan mereka. Semua pelantikan hendaklah dibuat secara bertulis oleh pihak-pihak berkenaan yang membuat pelantikan tersebut.</p> <p>Penimbangtara (dalam hal di mana Pihak Menuntut atau Pemilik Polisi dan Kami bersetuju untuk seorang Penimbangtara), atau Penimbangtara-Penimbangtara dan pengadil (dalam hal di mana Pihak Menuntut atau Pemilik Polisi dan Kami tidak bersetuju dengan seorang Penimbangtara), hendaklah mengkaji semula pertikaian itu dan membuat keputusan. Keputusan timbangtara akan merangkumi penyelesaian pertikaian dan kos timbangtara. Keputusan timbangtara tidak boleh dipertikaikan dan mengikat kedua-dua pihak iaitu Pihak Menuntut atau Pemilik Polisi dan Kami.</p>

Nota: Untuk keterangan lanjut, sila rujuk kepada terma-terma dan syarat-syarat menyeluruh di bawah Polisi.

POLISI INSURANS HAYAT ETIQA

EZY-LIFE SECURE

DEFINISI UMUM

Seksyen ini mengenal pasti dan mendefinisikan frasa, perkataan atau singkatan yang umum di seluruh Polisi. Definisi ini dikenal pasti dalam huruf besar. Jika definisi ini disediakan dalam bentuk tunggal, tafsiran itu termasuk kata bilangan atau sebaliknya mengikut konteks yang bersesuaian.

Frasa, Perkataan atau Singkatan Umum	Definisi
Kematian Akibat Kemalangan	Kematian akibat kejadian yang berlaku secara tiba-tiba, ganas, tidak dijangka dan tidak dirancang yang mana bersifat luaran dan dapat dilihat.
HUMK Akibat Kemalangan	HUMK akibat kejadian yang berlaku secara tiba-tiba, ganas, tidak dijangka dan tidak dirancang yang mana bersifat luaran dan dapat dilihat.
Jumlah Agregat Yang Diinsuranskan	Jumlah ke atas semua polisi yang dikeluarkan oleh Kami, bagi manfaat yang perlu dibayar disebabkan oleh kejadian atau keadaan yang sama, yang memberi kesan kepada Orang Yang Diinsuranskan.
Penimbangtara	Pihak bebas, yang dilantik untuk mengadili dalam menyelesaikan pertikaian antara Pihak Menuntut dan Kami, sebagai alternatif kepada mahkamah. Penimbangtara merupakan selain daripada BNM dan OPK.
Bank Negara Malaysia, atau BNM	Badan kerajaan yang utama di Malaysia yang bertanggungjawab dalam mengawal selia syarikat insurans. Biro Perkhidmatan Pelanggan BNM menyediakan ruang kepada sesuatu pihak untuk memfailkan aduan terhadap sebarang salah laku atau amalan pasaran yang tidak adil oleh Kami.
Pihak Menuntut	Pemilik Polisi, Orang Yang Diinsuranskan, Penama atau pemegang serah hak harta pusaka Orang Yang Diinsuranskan, yang berhak untuk menuntut Manfaat Insurans, mengikut terma-terma dan syarat-syarat Polisi.
Tarikh Permulaan	Tarikh terawal di mana Pemilik Polisi layak untuk menerima Manfaat Insurans mengikut terma-terma dan syarat-syarat Polisi. Tarikh Permulaan dinyatakan di dalam Halaman Maklumat Polisi.
Tempoh Perlindungan	Tempoh yang bermula pada Tarikh Permulaan dan berakhir pada Tarikh Tamat Tempoh. Tempoh Perlindungan dinyatakan di dalam Halaman Maklumat Polisi.
Endorsemen	Perubahan terhadap Polisi. Endorsemen akan dimaklumkan atau dikeluarkan oleh Kami kepada Anda.
Tarikh Tamat Tempoh	Tarikh terakhir di mana Orang Yang Diinsuranskan layak untuk Manfaat Insurans mengikut terma-terma dan syarat-syarat Polisi. Tarikh Tamat Tempoh dinyatakan di dalam Halaman Maklumat Polisi.
Ombudsman Perkhidmatan Kewangan, atau OPK	Sebuah badan bebas yang ditubuhkan bagi membantu menyelesaikan pertikaian di antara Pihak Menuntut dan Kami, sebagai alternatif kepada mahkamah.
Tempoh Percuma	Merupakan tempoh lima belas (15) hari, apabila Polisi telah diterima oleh Pemilik Polisi.
Tempoh Tangguh	Tempoh masa tambahan yang diberikan kepada Pemilik Polisi untuk membayar Premium yang perlu dibayar. Tempoh Tangguh di bawah polisi ini adalah tiga puluh satu (31) hari dari tarikh Premium tersebut perlu dibayar.
Berkuat Kuasa	Status bagi Polisi yang menunjukkan kelayakan Pemilik Polisi untuk Manfaat Insurans mengikut terma-terma dan syarat-syarat Polisi ini. Polisi ini berstatus Berkuat Kuasa pada masa tertentu, jika pada masa itu semua syarat yang berikut dipenuhi:
	<ol style="list-style-type: none"> 1) Kami telah mengeluarkan Polisi kepada Pemilik Polisi; 2) Orang Yang Diinsuranskan masih hidup; 3) Premium yang perlu dibayar untuk Polisi telah diterima oleh Kami dalam Tempoh Tangguh, atau peruntukan tidak lucut hak telah dilaksanakan, atau Pengembalian Semula Polisi oleh Kami mengikut terma-terma dan syarat-syarat di dalam Polisi ini;

	<p>4) Kelayakan Pemilik Polisi terhadap Manfaat Insurans tersebut belum ditamatkan atau dibatalkan, mengikut terma-terma dan syarat-syarat Polisi ini; dan</p> <p>5) Belum melebihi Tarikh Tamat Tempoh;</p>
Manfaat Insurans	Nama kolektif bagi bayaran yang dibuat mengikut terma-terma dan syarat-syarat di bawah seksyen Manfaat Insurans dalam Polisi ini.
Tarikh Dikeluarkan	Tarikh di mana Polisi telah dikeluarkan oleh Kami. Tarikh Dikeluarkan dinyatakan di dalam Halaman Maklumat Polisi.
Luput	Polisi akan mempunyai status Luput pada masa tertentu, sekiranya pada masa itu Premium-premium yang perlu dibayar tidak diterima oleh Kami dalam Tempoh Tangguh dan peruntukan tidak lucut hak masih belum dilaksanakan.
Orang Yang Diinsuranskan	Orang yang dinamakan sebagai Orang Yang Diinsuranskan di dalam Halaman Maklumat Polisi.
Tarikh Matang	Tarikh dimana Polisi berakhir.
Maklumat Material	Apa-apa maklumat, laporan, jawapan, dan pendedahan yang dikemukakan oleh Pemilik Polisi atau Orang Yang Diinsuranskan, atau pihak ketiga bagi pihak Pemilik Polisi atau Orang Yang Diinsuranskan, yang mana:
	<p>1) Berkenaan dengan Orang Yang Diinsuranskan atau Pemilik Polisi; dan</p> <p>2) Diberi sebelum Tarikh Dikeluarkan atau tarikh Endorsemen terbaru.</p>
Kematian Semula Jadi	Kematian yang berlaku akibat semula jadi.
HUMK Semula Jadi	Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal yang berlaku akibat semula jadi.
Penama	Orang yang dinamakan oleh Pemilik Polisi untuk menerima Manfaat Insurans yang perlu dibayar di bawah Polisi setelah kematian Orang Yang Diinsuranskan. Penamaan mestilah didaftarkan dengan Kami.
Data Peribadi	<p>Adalah membawa maksud yang sama seperti di bawah seksyen 4 Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Data Peribadi merujuk kepada maklumat, laporan, jawapan, dan pendedahan yang dikemukakan oleh Pemilik Polisi atau Orang Yang Diinsuranskan atau pihak ketiga bagi pihak Pemilik Polisi atau Orang Yang Diinsuranskan, yang berkenaan dengan Orang Yang Diinsuranskan atau Pemilik Polisi.</p> <p>Data Peribadi tidak termasuk maklumat, laporan, jawapan, dan pendedahan yang berada dalam domain awam.</p>
Pemilik Polisi, atau Anda	Entiti atau orang yang dinamakan sebagai Pemilik Polisi di dalam Halaman Maklumat Polisi.
Polisi	Dokumen ini, atau apa-apa Endorsemen yang dikenalpasti sebagai berkaitan rapat dengan dokumen ini.
Ulang Tahun Polisi	Ulang tahun untuk Tarikh Permulaan.
Tahun Polisi	Tempoh satu (1) tahun yang bermula dari Tarikh Permulaan, atau Ulang Tahun Polisi berikutnya.
Premium	Jumlah wang yang dibayar oleh Pemilik Polisi kepada Kami, pada masa tertentu, mengikut terma-terma dan syarat-syarat Polisi. Premium dinyatakan di dalam Halaman Maklumat Polisi.
Mod Premium	<p>Ini adalah kekerapan pembayaran Premium dalam setahun. Mod Premium adalah sama ada bulanan atau tahunan. Mod Premium ini dinyatakan di dalam Halaman Maklumat Polisi.</p> <p>Jika Pemilik Polisi mengubah kekerapan pembayaran Premium, jumlah Premium yang harus dibayar pada setiap tarikh perlu dibayar yang baru akan berubah.</p>
Pengembalian Semula	Tindakan mengaktifkan semula Polisi daripada keadaan Luput kepada Berkuat Kuasa, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat Polisi.
Jumlah Yang Diinsuranskan	Jumlah perlindungan insurans yang diperuntukkan oleh Polisi. Jumlah Yang Diinsuranskan dinyatakan di dalam Halaman Maklumat Polisi.
Nilai Serahan	Nilai yang akan dibayar semasa serahan. Nilai Serahan berubah mengikut Tempoh Perlindungan dan adalah tetap semasa Tarikh Permulaan. Nilai Serahan akan dirujuk apabila:

	<p>1) Pemilik Polisi memilih salah satu dari pilihan yang terdapat di bawah peruntukan tidak lucut hak; atau</p> <p>2) Pemilik Polisi ingin menyerahkan Polisi.</p>
Amanah	<p>Penamaan oleh Pemilik Polisi, selain dari Pemilik Polisi yang beragama Islam, akan mewujudkan Amanah, bagi kemudahan Penama bagi Manfaat Insurans yang akan dibayar di bawah Polisi apabila Orang Yang Diinsuranskan meninggal dunia jika:</p> <p>1) Penama adalah pasangan atau anaknya; atau</p> <p>2) Penama adalah ibu bapanya, jika tiada pasangan atau anak yang masih hidup pada masa penamaan.</p> <p>Pemilik Polisi harus melantik seorang pemegang amanah untuk wang polisi and sekiranya gagal berbuat demikian, Penama yang cekap; atau jika Penama tidak cekap untuk berkontrak, ibu bapa Penama yang tidak cekap tersebut selain daripada Pemilik Polisi dan dimana tiada ibu bapa yang masih hidup, Pemegang Amanah Awam atau syarikat pemegang amanah yang dilantik oleh Pemilik Polisi akan menjadi pemegang amanah.</p> <p>Bagi Pemilik Polisi yang beragama Islam, tiada polisi amanah yang akan diwujudkan. Penama bagi Pemilik Polisi yang beragama Islam akan menerima Manfaat Insurans yang akan dibayar sekiranya berlaku kematian Orang Yang Diinsuranskan sebagai wasi dan bukan sebagai beneficiari semata-mata.</p> <p>Sekiranya niat Pemilik Polisi adalah untuk Penama tersebut menerima Manfaat Insurans secara peribadi dan bukan sebagai seorang wasi, Pemilik Polisi mesti menyerahkan hak Manfaat Insurans Polisi kepada orang tersebut.</p>
Syarikat atau Kami	Ini adalah Etiqa Life Insurance Berhad.

DEFINISI HILANG UPAYA MENYELURUH DAN KEKAL (HUMK)

Seksyen ini mengenal pasti dan mendefinisikan frasa, perkataan atau singkatan berkaitan dengan HUMK dan digunakan di seluruh Polisi. Definisi ini dikenal pasti dalam huruf besar. Jika definisi ini disediakan dalam bentuk tunggal, tafsiran itu termasuk kata bilangan dan sebaliknya mengikut konteks.

Frasa, Perkataan atau Singkatan Umum	Definisi
Aktiviti Kehidupan Harian	<p>Enam (6) Aktiviti Kehidupan Harian itu ialah:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Mandi atau membersihkan diri; 2) Pengawalan, iaitu, keupayaan untuk mengawal dengan sendiri fungsi usus dan pundi kencing untuk menjaga kebersihan diri; 3) Memakai pakaian, iaitu, keupayaan untuk memakai dan menanggalkan semua pakaian yang perlu; 4) Makan, iaitu, keupayaan untuk menuap makanan setelah makanan disediakan; 5) Pergerakan, iaitu, keupayaan untuk bergerak dari satu bilik ke satu bilik; dan 6) Beralih tempat, iaitu, keupayaan untuk duduk dan bangun dari kerusi. <p>Keupayaan dalam melaksanakan Aktiviti Kehidupan Harian mestilah tanpa bantuan fizikal daripada orang lain, peralatan mekanikal, peranti, bantuan lain atau penyesuaian.</p>
Andaian HUMK	<p>Ini dimaksudkan sebagai:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Hilang penglihatan pada kedua-dua belah mata; 2) Hilang dua anggota badan; atau 3) Hilang penglihatan pada sebelah mata dan hilang satu anggota badan. <p>Hilang anggota badan adalah amputasi antara pergelangan tangan dan bahu untuk lengan, dan antara buku lali dan pinggul untuk kaki. Hilang penglihatan mestilah menyeluruh dan tidak akan sembah.</p>
Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal, atau HUMK	<p>HUMK bermaksud Orang Yang Diinsuranskan Tidak Bekerja secara kekal, penuh dan berterusan akibat daripada kecederaan atau penyakit, sepanjang hidup Orang Yang Diinsuranskan.</p> <p>Sekiranya Orang Yang Diinsuranskan tidak terlibat di dalam sebarang pekerjaan yang menguntungkan pada Tarikh HUMK, maka Orang Yang Diinsuranskan akan dianggap sebagai HUMK sekiranya Orang Yang Diinsuranskan tersebut tidak dapat melaksanakan sekurang-kurangnya tiga (3) Aktiviti Kehidupan Harian secara kekal.</p>

	<p>HUMK mestilah dianggap mustahil untuk pulih berdasarkan pengetahuan dan teknologi perubatan semasa.</p> <p>Untuk Kami menilai HUMK, kehilangupayaan tersebut mestilah kekal dalam tempoh sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari Tarikh HUMK, kecuali bagi kes Andaian HUMK, yang mana HUMK boleh dinilai oleh Kami dengan segera.</p>
Tarikh HUMK	Tarikh HUMK adalah tarikh permulaan dari tempoh enam (6) bulan, apabila Orang Yang Diinsuranskan mengalami HUMK selama enam (6) bulan secara berterusan dan tiada tandanya untuk pulih berdasarkan pengetahuan dan teknologi perubatan semasa. Kecuali bagi Andaian HUMK, di mana Tarikh HUMK adalah tarikh HUMK dinilai.
Tidak Bekerja	Tidak Bekerja bermaksud tidak berupaya untuk melakukan atau terlibat dalam apa-apa kerja yang menguntungkan, sepanjang hidup Orang Yang Diinsuranskan.

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT UMUM

Asas Kontrak	Polisi dan Endorsemen-endorsemen, jika ada, adalah bukti kontrak di antara Pemilik Polisi dan Kami. Permohonan yang dibuat kepada Kami, dan apa-apa maklumat tambahan yang didedahkan kepada Kami berkaitan dengan insurans ini akan menjadi sebahagian daripada kontrak ini.
Tajuk dan Jadual	Melainkan dinyatakan sebaliknya, tajuk dan jadual dalam Polisi dimasukkan untuk kemudahan sahaja, dan tidak akan menjelaskan tafsiran Polisi.
Bagaimana untuk menghubungi Kami	Jika Anda perlu menghubungi Kami, atau mempunyai apa-apa soalan berhubung dengan Polisi, atau memerlukan apa-apa perubahan kepada kandungan di dalam Polisi, sila tulis ke alamat pos Kami: Etiqa Life Insurance Berhad, Dataran Maybank, No 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur, atau melalui faksimili ke 03-2297 3800, atau e-mel ke info@etiqqa.com.my, atau hubungi 03-2297 3888, atau Etiqa Online di 1300-13-8888.
Matawang untuk semua Bayaran	Semua bayaran di bawah Polisi hendaklah dibuat dalam mata wang sah Malaysia.
Undang-undang berkenaan	Polisi hendaklah ditafsirkan dan dikawal oleh undang-undang Malaysia.
Perubahan dalam Percukaian, Peraturan dan Perundangan	Kami boleh mengubah terma-terma dalam Polisi ini, jika terdapat perubahan dalam percukaian, peraturan atau perundangan yang menjelaskan Polisi ini. Kami akan memaklumkan Anda secara bertulis apabila terma-terma dalam Polisi ini perlu diubah.
Klausula pengecualian dan had sekatan	Polisi ini tidak akan memberi perlindungan dan Kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa tuntutan atau menyediakan apa-apa Manfaat di bawah ini sekiranya penyediaan perlindungan, pembayaran sebarang tuntutan, atau peruntukan Manfaat tersebut akan mendedahkan Kami kepada mana-mana sekatan, larangan atau halangan di bawah ketetapan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, atau sekatan perdagangan atau ekonomi, undang-undang atau peraturan-peraturan Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat atau mana-mana negerinya, dan/ atau mana-mana undang-undang atau peraturan sekatan perdagangan atau ekonomi yang berkaitan. Kami boleh menamatkan Polisi ini dengan serta-merta dan selepas itu tidak perlu menjalankan apa-apa urusan perniagaan dengan Anda berkaitan dengan Polisi ini.

HAK DAN KEWAJIPAN UMUM

Prasyarat terhadap Hak	Pematuhan dan pelaksanaan sewajarnya bagi terma-terma dan syarat-syarat Polisi akan menjadi prasyarat terhadap hak Pemilik Polisi dan Orang Yang Diinsuranskan di bawah Polisi.
Hak untuk Menamatkan Polisi	Pemilik Polisi boleh memberi notis untuk menamatkan Polisi, atas apa jua sebab. Sekiranya penamatan semasa Tempoh Percuma, Pemilik Polisi mempunyai hak untuk mendapat bayaran balik. Bayaran balik yang akan dikembalikan adalah Premium yang diterima oleh Kami. Notis mestilah diterima semasa Tempoh Percuma. Polisi juga akan dianggap telah diterima oleh Kami pada tarikh ia dihantar secara peribadi, tarikh penghantaran sekiranya dihantar menggunakan pos berdaftar, atau tarikh transmisi sekiranya transmisi secara elektronik digunakan.

	<p>Sekiranya penamatan selepas Tempoh Percuma, Pemilik Polisi mempunyai hak untuk menerima manfaat serahan mengikut terma-terma dan syarat-syarat di bawah Polisi. Sekiranya Pemilik Polisi memohon untuk menamatkan Polisi, sebarang Nilai Serahan mungkin akan kurang daripada Premium yang telah dibayar.</p>
Hak untuk menamatkan kerana Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan	<p>Jika Kami mengetahui, atau mengesyaki bahawa Polisi dimanfaatkan untuk kegiatan pengubahan wang haram atau untuk membayai keganasan, Kami berhak untuk menamatkan Polisi dengan segera. Kami akan menguruskan semua Premium yang dibayar dan semua manfaat atau jumlah yang perlu dibayar berkenaan dengan Polisi mengikut undang-undang yang dapat digunakan.</p>
Hak untuk mengembalikan semula Polisi yang ditamatkan kerana Luput	<p>Sekiranya Polisi Anda telah Luput, Anda boleh memohon untuk mengaktifkan semula Polisi ini supaya kembali Berkuat Kuasa dengan syarat terma-terma di bawah dipenuhi, pada tarikh Pengembalian Semula tersebut berkut kuasa:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Orang Yang Diinsuranskan masih hidup; 2) Semua Premium perlu dibayar dari Tarikh Permulaan telah diterima oleh Kami; 3) Kami telah menerima bukti yang memuaskan mengenai kesihatan Orang Yang Diinsuranskan dan maklumat lain yang diperlukan oleh Kami; 4) Belum mencapai tarikh Luput; 5) Pengembalian Semula adalah kurang daripada satu (1) tahun dari tarikh Luput; dan 6) Tiada Manfaat Insurans telah dibayar atau tuntutan dibuat mengikut terma-terma dan syarat-syarat di bawah Polisi ini. <p>Permohonan anda untuk Pengembalian Semula dan sebarang kenyataan bertulis dari Anda akan menjadi sebahagian dari Polisi ini.</p> <p>Kami mempunyai hak untuk tidak mengembalikan semula Polisi, atau mengembalikan semula Polisi dengan terma-terma tambahan.</p>
Tanggungjawab untuk membetulkan kesilapan dan ralat	<p>Kami akan membetulkan apa-apa kesilapan atau ralat yang dibuat dalam Polisi sebaik sahaja Kami sedari, atau dimaklumkan mengenai kesilapan atau ralat tersebut. Pembetulan yang Kami akan buat mestilah melalui Endorsemen terhadap Polisi, dan akan hanya sah bermula dari tarikh berkuatkuasa Endorsemen.</p>
Tanggungjawab dan hak terhadap data perlindungan	<p>Kami dapat memproses Data Peribadi menurut seksyen 4 Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Kami dapat mendedahkan Data Peribadi yang dikemukakan oleh Pemilik Polisi atau Orang Yang Diinsuranskan, sebagaimana konteks boleh diperlukan, kepada:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Etiqa Life Insurance Berhad, Etiqa Family Takaful Berhad, Etiqa Life International (L) Ltd atau Etiqa Offshore Insurance (L) Ltd; 2) Entiti lain dalam Kumpulan Maybank; 3) Ejen-ejen Kami yang sah dan penyedia perkhidmatan yang mana Kami mempunyai perjanjian berkontrak bersama Kami untuk beberapa fungsi, perkhidmatan dan aktiviti; 4) Syarikat insurans atau pengendali Takaful lain dan pihak pengedar (contoh: bank, bank-bank Islam, broker insurans, broker Takaful, syarikat reinsurans, pengendali Retakaful); 5) Persatuan perdagangan industri seperti Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM), Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) dan Persatuan Takaful Malaysia (MTA); 6) Peniaga dan rakan strategik Kami; 7) Mana-mana pihak yang diberi kuasa oleh Pemilik Polisi atau Orang Yang Diinsuranskan (dari semasa ke semasa); atau 8) Penguatuasa undang-undang dan agensi-agensi kerajaan sebagaimana yang dibenarkan atau dikehendaki oleh undang-undang, yang diberi kuasa oleh mana-mana perintah mahkamah atau untuk memenuhi kewajipan kepada pihak berkuasa. <p>Pemilik Polisi dan Orang Yang Diinsuranskan perlu mengemaskini semua Data Peribadi tersebut kepada Kami sebaik sahaja ia praktikal.</p> <p>Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan secara langsung atau tidak langsung bagi Data Peribadi yang tidak tepat atau tidak lengkap yang diberikan kepada Kami.</p> <p>Kami mungkin dari semasa ke semasa meminta Pemilik Polisi dan Orang Yang Diinsuranskan untuk memberikan Data Peribadi lain yang berkaitan dengan Polisi.</p> <p>Sebelum memberikan Kami dengan Data Peribadi mana-mana individu, Pemilik Polisi atau Orang Yang Diinsuranskan yang memberikan Data Peribadi hendaklah memaklumkan individu tersebut mengenai notis privasi Kami.</p>

	<p>Untuk butiran terperinci notis privasi mengenai bagaimana Kami mengumpul, menggunakan, memproses, melindungi dan mendedahkan Data Peribadi, sila kunjungi cawangan Kami, hubungi Etiqa Oneline di 1300-13-8888, atau merujuk ke laman web Kami di www.etiqa.com.my.</p>
Tanggungjawab untuk mengambil langkah sewajarnya dan tidak membuat salah nyataan	<p>Ia adalah tanggungjawab Pemilik Polisi dan Orang Yang Diinsuranskan untuk mengambil langkah sewajarnya untuk tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan atau membuat pendedahan, semasa:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Membuat permohonan; 2) Jika mengembalikan semula tertakluk kepada terma dan syarat Polisi; 3) Jika Polisi dipinda; dan 4) Jika Kami memerlukan pengesahan mengenai jawapan atau pengakuan yang telah diberikan sebelum ini. <p>Tanggungjawab ini hendaklah berterusan sehingga Tarikh Berkua Kuasa Polisi atau tarikh berkuatkuasa bagi perubahan berikutnya.</p> <p>Sekiranya Kami mengenal pasti salah nyataan dalam tempoh dua (2) tahun dari Tarikh Permulaan terkini atau tarikh berkuatkuasa Dikembalikan Semula yang terakhir bagi Polisi itu, remedi dari Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 akan dikenakan.</p> <p>Kami hanya boleh mencabar Polisi bagi salah nyata lebih daripada dua (2) tahun dari Tarikh Permulaan terkini atau tarikh berkuatkuasa Dikembalikan Semula yang terakhir bagi Polisi ini melainkan Kami dapat membuktikan yang Pemilik Polisi atau Orang Yang Diinsuranskan menyembunyikan atau menipu dalam mengemukakan Maklumat Material, yang mana jika diketahui oleh Kami, akan membawa kepada keengganinan Kami untuk mengeluarkan Polisi, atau mungkin mendorong Kami mengenakan terma-terma dan syarat-syarat yang kurang memihak daripada yang dikenakan di dalam Polisi. Dalam keadaan sedemikian remedi dari Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 akan dikenakan.</p>
Hak Kami untuk melaraskan terma-terma bagi salah nyataan umur dan jantina	<p>Jika umur atau jantina Orang Yang Diinsuranskan telah tersilap nyata, yang menyebabkan kekurangan Premium, maka Jumlah Yang Diinsuranskan bagi Orang Yang Diinsuranskan tersebut, akan dikurangkan berdasarkan kepada jumlah yang setara dengan umur dan jantina yang betul.</p> <p>Jika salah nyataan bagi umur atau jantina terhadap Orang Yang Diinsuranskan menyebabkan lebihan Premium, maka Kami akan membayar balik lebihan tersebut kepada Pemilik Polisi.</p> <p>Pelarasan terhadap Jumlah Yang Diinsuranskan atau bayaran balik tersebut akan berdasarkan kepada kadar Premium Kami yang berkuatkuasa pada Tarikh Permulaan.</p>
Hak Kami untuk pengecualian dan bukan pengecualian hak	<p>Kelewatan atau kegagalan Kami untuk melaksanakan atau menguatkuasakan apa-apa hak di bawah Polisi, tidak akan dianggap sebagai pengecualian mana-mana hak, atau penamatkan hak-hak tersebut. Pengecualian sebarang hak oleh Kami hanya sah apabila disahkan secara bertulis dengan syarat kelewatan atau kegagalan untuk melaksanakan atau menguatkuasa masih dalam tempoh batasan statutori berdasarkan undang-undang berkaitan.</p>
Hak untuk menamakan Manfaat Insurans	<p>Sekiranya Pemilik Polisi adalah Orang Yang Diinsuranskan, Pemilik Polisi ini boleh menamakan seseorang untuk menerima Manfaat Insurans yang akan dibayar sekiranya berlaku kematian Orang Yang Diinsuranskan.</p> <p>Penamaan mestilah didaftarkan kepada Kami, dan boleh dibuat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Semasa permohonan dibuat; atau 2) Dengan memaklumkan kepada Kami secara bertulis, pada bila-bila masa selepas Polisi dikeluarkan. <p>Pemilik Polisi boleh menentukan bahagian pengagihan untuk dibayar kepada setiap Penama. Jika tiada arahan pengagihan diterima, Kami akan membayar Penama secara sama rata.</p> <p>Penamaan oleh Pemilik Polisi di bawah Amanah, tanpa mengambil kira mana-mana undang-undang bertulis, tidak akan membentuk sebahagian daripada harta pusaka Orang Yang Diinsuranskan, atau tertakluk kepada hutang mereka.</p> <p>Selepas pembayaran Manfaat Insurans, Kami akan dilepaskan daripada apa-apa liabiliti di bawah Polisi ini.</p>
Hak untuk menyerahkan hak Polisi	<p>Sekiranya Pemilik Polisi adalah Orang Yang Diinsuranskan, Pemilik Polisi bagi Polisi tersebut boleh menyerahkan hak kepada seorang individu untuk memindahkan pemilikan Polisi kepada individu tersebut.</p> <p>Penyerahan hak mestilah didaftarkan kepada Kami, dan boleh dibuat:</p>

	<p>1) Pada masa permohonan dibuat; atau</p> <p>2) Memaklumkan kepada Kami secara bertulis, pada bila-bila masa selepas selepas Polisi dikeluarkan.</p> <p>Kami tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kesahihan atau kecukupan serahan hak tersebut.</p>
Hak untuk membatalkan penamaan	<p>Penamaan akan dibatalkan:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Apabila Penama meninggal dunia, atau jika terdapat lebih daripada seorang penama, kesemua Penama meninggal dunia semasa Pemilik Polisi masih hidup; 2) Melalui notis bertulis daripada Pemilik Polisi kepada Kami; atau 3) Melalui penamaan berikutnya yang dilakukan oleh Pemilik Polisi kepada Kami. <p>Tertakluk kepada perkara di atas, penamaan tidak akan dibatalkan melalui wasiat atau dengan apa-apa tindakan, peristiwa atau cara-cara lain.</p> <p>Pembatalan penamaan memerlukan kebenaran daripada pemegang amanah jika ada polisi amanah diwujudkan.</p>
Hak untuk membatalkan penyerahan hak	Sesuatu penyerahan hak hendaklah dibatalkan melalui notis secara bertulis daripada pemegang serah hak kepada Kami

MANFAAT INSURANS

Proses tuntutan dan bagaimana membuat tuntutan	<p>Pihak Menuntut hendaklah memaklumkan kepada Kami mengenai suatu tuntutan bagi apa-apa Manfaat Insurans dengan menulis ke alamat Kami, dalam tempoh masa pemberitahuan notis. Pemberitahuan tuntutan mestilah termasuk mengemukakan bukti umur Orang Yang Diinsuranskan seperti salinan kad pengenalan, pasport, dan dokumen-dokumen tuntutan yang lain. Tempoh notis tuntutan dan pendokumentan tuntutan adalah khusus kepada jenis Manfaat Insurans mengikut terma-terma dan syarat-syarat di dalam Polisi.</p> <p>Notis tuntutan boleh dikemukakan selepas tempoh masa pemberitahuan notis, jika ia boleh dibuktikan notis tersebut telah diserahkan seberapa segera yang mungkin.</p> <p>Sekiranya sebarang bantuan diperlukan apabila membuat tuntutan, Pihak Menuntut perlu menghubungi atau Etiqa Oneline di 1300-13-8888.</p> <p>Dokumen tambahan mungkin akan diminta oleh Kami semasa Pihak Menuntut memaklumkan Kami mengenai tuntutan, atau selepas penilaian awal dokumen yang disertakan dengan borang tuntutan. Pihak Menuntut akan dimaklumkan secara bertulis mengenai sebarang keperluan dokumen tambahan.</p> <p>Dokumen bagi menyokong tuntutan hendaklah disediakan atas tanggungan Pihak Menuntut.</p> <p>Setelah semua dokumen diterima oleh Kami, Kami akan menerima atau menolak tuntutan untuk manfaat mengikut terma-terma dan syarat-syarat Polisi. Keputusan tuntutan oleh Kami akan dimaklumkan kepada Pihak Menuntut secara bertulis.</p>
---	--

(I) MANFAAT KEMATIAN

Manfaat Insurans yang perlu dibayar akibat kematian	<p>Kematian Semula Jadi</p> <p>Apabila berlaku Kematian Semula Jadi terhadap Orang Yang Diinsuranskan, jumlah Premium yang telah dibayar akan dibayar jika Kematian Semula Jadi berlaku dalam tempoh Tahun Polisi pertama (1).</p> <p>Jika Kematian Semula Jadi terhadap Orang Yang Diinsuranskan berlaku dari Tahun Polisi kedua (2) Tahun Polisi dan seterusnya, Jumlah Yang Diinsuranskan akan dibayar.</p> <p>Kematian Akibat Kemalangan</p> <p>Apabila berlaku Kematian Akibat Kemalangan terhadap Orang Yang Diinsuranskan, manfaat kematian di bawah Polisi ini ada adalah Jumlah Yang Diinsuranskan, tertakluk kepada batasan dan pelarasan yang diguna pakai bagi manfaat kematian.</p>
Batasan dan pelarasan kepada manfaat kematian	<p>Batasan yang dikenakan ke atas manfaat kematian adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Kematian mestilah berlaku semasa Polisi Berkuat Kuasa; 2) Apabila kematian secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh bunuh diri, dalam Tahun Polisi pertama, manfaat kematian adalah hanya Premium yang telah dibayar; dan

	<p>Manfaat kematian, selepas mengambil kira apa-apa batasan yang ada untuk manfaat kematian, dikurangkan oleh:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Apa-apa pembayaran manfaat HUMK yang dibuat terlebih dahulu mengikut terma-terma dan syarat-syarat Polisi; 2) Sebarang Premium sebelum tarikh kuat kuasa kematian Orang Yang Diinsuranskan yang belum diterima oleh Kami; dan 3) Sebarang ansuran Premium yang belum dibayar yang perlu untuk melengkapkan Premium penuh setahun untuk Tahun Polisi semasa tarikh berkuat kuasa kematian, jika pembayaran Premium yang dibuat adalah secara bulanan.
Tempoh masa notis bagi manfaat kematian	Kami mestilah dimaklumkan oleh Pihak Menuntut mengenai tuntutan kematian dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh kematian.
Dokumen bagi menyokong tuntutan kematian	Borang tuntutan akan diberikan apabila Pihak Menuntut memaklumkan kepada Kami mengenai tuntutan kematian. Pihak Menuntut mestilah melengkapkan borang tuntutan, dan mengemukakan bukti umur Orang Yang Diinsuranskan seperti salinan kad pengenalan atau pasport Orang Yang Diinsuranskan, sijil kematian dan sebarang dokumen tambahan, dalam tiga puluh (30) hari dari tarikh notis.
Terma-terma penyelesaian untuk manfaat kematian	<p>Jika Orang Yang Diinsuranskan bukan Pemilik Polisi, manfaat kematian akan dibayar kepada Pemilik Polisi.</p> <p>Jika Orang Yang Diinsuranskan adalah Pemilik Polisi, manfaat kematian akan dibayar:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Berdasarkan kepada peratusan yang ditetapkan kepada Penama; atau 2) Kepada pemegang serah hak, sekiranya Polisi tersebut telah dipindah milik. <p>Selepas pembayaran manfaat kematian, Kami akan dilepaskan daripada apa-apa liabiliti selanjutnya di bawah Polisi ini.</p>

(II) MANFAAT HILANG UPAYA MENYELURUH DAN KEKAL (HUMK)

Manfaat Insurans yang perlu dibayar akibat HUMK	<p>HUMK Semula Jadi</p> <p>Apabila berlaku HUMK terhadap Orang Yang Diinsuranskan, jumlah Premium yang telah dibayar akan dibayar jika HUMK Semula Jadi berlaku dalam tempoh Tahun Polisi pertama (1).</p> <p>Jika HUMK Semula Jadi terhadap Orang Yang Diinsuranskan berlaku dari Tahun Polisi kedua (2) Tahun Polisi dan seterusnya, Jumlah Yang Diinsuranskan akan dibayar.</p> <p>HUMK Akibat Kemalangan</p> <p>Apabila berlaku HUMK Akibat Kemalangan terhadap Orang Yang Diinsuranskan, manfaat HUMK di bawah Polisi ini adalah Jumlah Yang Diinsuranskan, tertakluk kepada batasan dan pelarasan yang diguna pakai bagi manfaat HUMK.</p>
Batasan dan pelarasan kepada manfaat HUMK	<p>Batasan yang dikenakan ke atas manfaat HUMK di bawah Polisi ini adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Kecederaan dan penyakit yang mengakibatkan HUMK, dan Tarikh HUMK mestilah berlaku semasa Polisi masih Berkuat Kuasa; 2) Tiada manfaat akan dibayar pada atau selepas Orang Yang Diinsuranskan telah mencapai hari lahir yang ke enam puluh empat (64); dan 3) Tiada manfaat akan dibayar apabila HUMK disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh pengecualian manfaat HUMK. <p>Manfaat HUMK, selepas mengambil kira apa-apa batasan yang ada untuk manfaat HUMK, adalah dikurangkan:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Supaya Jumlah Agregat Yang Diinsuranskan bagi HUMK terhadap Orang Yang Diinsuranskan adalah terhad kepada Ringgit Malaysia Dua Juta (RM2 juta); 2) Apa-apa Premium sebelum Tarikh HUMK bagi Orang yang Diinsuranskan yang belum diterima oleh Kami; dan 3) Dengan sebarang ansuran Premium yang belum dibayar yang perlu untuk melengkapkan Premium penuh setahun untuk Tahun Polisi semasa Tarikh HUMK, jika pembayaran Premium yang dibuat adalah secara bulanan.
Pengecualian manfaat HUMK	<p>Tiada manfaat akan dibayar apabila HUMK berlaku secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh keadaan berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Kecederaan diri sendiri yang disengajakan atau cubaan membunuh diri; 2) Penyertaan di dalam sebarang jenayah atau menyalahi undang-undang, mogok, rusuhan, keganasan atau kekecohan awam;

	<p>3) Penyertaan dalam sukan atau aktiviti berbahaya atau mempunyai risiko seperti (tetapi tidak terhad kepada) menunggang kuda, sukan air (kecuali kapal layar dan berenang), memburu, perlumbaan (kecuali perlumbaan jalan kaki), mendaki gunung, meneroka atau kembara gua, dan sukan musim sejuk;</p> <p>4) Penyertaan dalam sebarang bentuk penerbangan (kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang atau anak kapal pada laluan tetap yang dikendalikan oleh syarikat penerbangan komersial), atau sukan udara seperti (tetapi tidak terhad kepada) terjunan udara, payung terjun, terjun bungee, luncur udara dan belon;</p> <p>5) Perang (sama ada diisyiharkan atau tidak), revolusi, serangan oleh negara asing, atau pencerobohan;</p> <p>6) Penggunaan alkohol, tanpa preskripsi atau penyalahgunaan dadah atau narkotik;</p> <p>7) Provokasi fizikal dan ganas oleh Orang Yang Diinsuranskan, yang membawa kepada tindak balas yang sama dan menyebabkan kecederaan;</p> <p>8) Penyedutan racun, gas atau wasap yang diambil sama ada secara sukarela atau tidak;</p> <p>9) Pencemaran radioaktif berpunca daripada bahan api, senjata, bahan buangan atau pemprosesan; atau</p> <p>10) Kegagalan untuk mendapatkan atau mematuhi sama ada nasihat perubatan atau rawatan yang ditentukan dengan sengaja.</p>
Tempoh masa notis bagi tuntutan HUMK	Kami mestilah dimaklumkan mengenai tuntutan HUMK oleh Pihak Menuntut dalam: <ul style="list-style-type: none"> 1) Tiga puluh (30) hari dari Tarikh HUMK bagi Andaian HUMK; atau 2) Enam (6) bulan dari Tarikh HUMK bagi HUMK yang berpunca daripada sebab lain.
Dokumen bagi menyokong tuntutan HUMK	Borang tuntutan akan diberikan semasa Pihak Menuntut memberitahu Kami mengenai tuntutan untuk manfaat HUMK. Pihak Menuntut mestilah melengkapkan borang tuntutan, dan mengemukakan bukti umur Orang Yang Diinsuranskan seperti salinan kad pengenalan atau pasport, laporan penilaian perubatan dan sebarang dokumen tambahan, dalam tiga puluh (30) hari, sama ada selepas memaklumkan tuntutan atau selepas memenuhi definisi HUMK. Penilaian perubatan mestilah dijalankan oleh seorang doktor perubatan berlesen untuk menjalankan amalan di Malaysia, dalam tiga puluh (30) hari selepas kali pertama memenuhi definisi HUMK. Sekiranya manfaat HUMK dibayar melalui dua ansuran, laporan penilaian perubatan yang kedua (ke-2) mestilah dikemukakan sebagai bukti HUMK berlaku secara berterusan. Penilaian perubatan hendaklah dilaksanakan oleh seorang doktor perubatan berlesen untuk menjalankan amalan di Malaysia dalam tiga puluh (30) hari selepas tarikh ansuran kedua (ke-2) perlu dibayar.
Terma-terma penyelesaian untuk manfaat HUMK	Bayaran manfaat HUMK merupakan amaun tunggal kepada Pemilik Polisi, atau pemegang serah hak (jika Polisi telah diserahkan hak), kecuali untuk yang bukan Andaian HUMK dan jika Jumlah Agregat Yang Diinsuranskan bagi HUMK untuk Orang Yang Diinsuranskan melebihi Ringgit Malaysia Satu Juta (RM1 juta), dimana manfaat HUMK dibayar melalui dua ansuran: <ul style="list-style-type: none"> 1) Ansuran pertama di bawah Polisi akan ditentukan seperti jumlah pembayaran pertama ke atas semua polisi adalah Ringgit Malaysia Satu Juta (RM1 juta); dan 2) Ansuran kedua merupakan baki liabiliti yang diterima dan akan dibuat dua belas (12) bulan selepas bayaran ansuran pertama. Dengan membayar semua ansuran manfaat HUMK, di mana Agregat Jumlah Diinsuranskan pada Tarikh HUMK adalah tidak lebih daripada Ringgit Malaysia Dua Juta (RM2 juta), Kami dilepaskan daripada apa-apa liabiliti selanjutnya di bawah Polisi.

(III) MANFAAT SERAHAN

Manfaat serahan yang perlu dibayar ke atas penamatan selepas Tempoh Percuma	Semasa penamatan oleh Pemilik Polisi selepas Tempoh Percuma, tetapi dalam tempoh dua (2) tahun dari Tarikh Permulaan, atas sebarang sebab, tiada sebarang manfaat akan dibayar. Sekiranya penamatan oleh Pemilik Polisi selepas dua (2) tahun selepas Tarikh Permulaan, atas sebarang sebab, manfaat serahan di bawah Polisi adalah Nilai Serahan, tertakluk kepada batasan dan pelarasannya yang diguna pakai bagi manfaat serahan. Nilai Serahan yang akan Anda terima mungkin lebih rendah dari amaun Premium yang telah Anda bayar.
Batasan dan pelarasannya yang digunakan terhadap manfaat serahan	Bayaran manfaat serahan yang disebabkan oleh penamatan hanya boleh berlaku jika Polisi masih Berkuat Kuasa pada tarikh serahan berkuatkuasa.

	Manfaat serahan, selepas mengambil kira apa-apa batasan dan penyelarasan yang diguna pakai untuk manfaat serahan, diselaraskan dengan sebarang Premium yang belum dibayar sebelum tarikh penamatan yang belum diterima oleh Kami, atau sebarang bayaran manfaat HUMK yang telah dibuat sebelum tarikh penamatan Polisi.
Tempoh masa notis bagi manfaat serahan	Kami perlu dimaklumkan secara bertulis oleh Pemilik Polisi lebih awal dari tarikh serahan berkuatkuasa.
Dokumen bagi menyokong serahan	Notis mestilah beserta bukti umur Orang Yang Diinsuranskan seperti kad pengenalan atau pasport dan Polisi.
Terma-terma penyelesaian untuk manfaat serahan	<p>Bayaran manfaat serahan merupakan amaun tunggal kepada Pemilik Polisi. Kami mempunyai hak untuk menangguhkan pembayaran sehingga enam (6) bulan dari tarikh serahan berkuatkuasa.</p> <p>Apabila bayaran manfaat serahan dibuat, Kami dilepaskan daripada apa-apa liabiliti selanjutnya di bawah Polisi ini.</p>

MANFAAT LAIN

(I) PERUNTUKAN TIDAK LUCUT HAK

Pinjaman Premium Automatik (PPA)	<p>Pinjaman Premium Automatik (PPA) ialah pinjaman yang Kami akan dahulukan secara automatik untuk membayar apa-apa Premium yang tidak dibayar dalam Tempoh Tangguh, dengan syarat Polisi telah memperoleh Nilai Serahan.</p> <p>PPA akan dikenakan faedah dari tarikh genap tempoh Premium tidak berbayar pertama pada kadar yang Kami akan tentukan.</p> <p>Jika Nilai Serahan Anda tidak mencukupi untuk Kami mendahulukan membayar kesemua Premium yang tidak berbayar, Polisi Anda akan diteruskan bagi tempoh berkadar dengan yang boleh ditampung oleh baki Nilai Serahan.</p> <p>Anda boleh membayar balik PPA pada bila-bila masa selagi Polisi masih Berkuat Kuasa atau selepas Pengembalian Semula Polisi. Kami berhak menolak apa-apa PPA yang belum dijelaskan daripada apa-apa pembayaran Manfaat Insurans yang Kami buat kepada Anda.</p>
---	--

PREMIUM

Pembayaran Premium yang diperlukan	<p>Setiap Pemilik Polisi mempunyai tanggungjawab untuk membayar Premium kepada Kami. Premium pertama perlu dibayar semasa Tarikh Permulaan. Sebarang Premium lanjutan perlu dibayar pada setiap ulang tahun bulanan atau tahunan dari Tarikh Permulaan, mengikut Mod Premium.</p> <p>Premium adalah ditentukan berdasarkan kepada terma-terma yang terpakai pada setiap Tarikh Permulaan. Terma-terma ini adalah seperti yang dipersetujui di antara Pemilik Polisi dan Kami.</p>
Terma-terma penyelesaian Premium	<p>Premium perlu diselesaikan melalui pembayaran daripada Pemilik Polisi kepada Kami. Pembayaran oleh Pemilik Polisi mesti secara auto debit ke atas kad kredit kepada Kami. Kami menerima kad kredit Visa dan MasterCard.</p> <p>Pembayaran Premium perlu diterima semasa Tempoh Tangguh dari tarikh Premium perlu dibayar.</p> <p>Sekiranya Premium perlu dibayar tidak diterima dalam masa Tempoh Tangguh, Kami dilepaskan daripada apa-apa liabiliti selanjutnya di bawah Polisi ini dari tarikh Premium perlu dibayar.</p>

ADUAN DAN PENYELESAIAN PERTIKAIAN

Bagaimana untuk membuat aduan kepada Kami	Jika Pihak Menuntut atau Pemilik Polisi tidak berpuas hati dengan perkhidmatan Kami di bawah Polisi ini, sila tulis ke alamat pos Kami: Unit Pengurusan Aduan, Etiqa Life Insurance Berhad, Aras 6, Menara B, Dataran Maybank, No 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur, melalui faksimili 03-2297 1919, atau e-mel di complaint_cmu@etiqia.com.my . Nombor telefon Kami adalah 1300-13-8888 (untuk pemanggil luar negara nombor talian adalah +603-2780 4500).
Bagaimana untuk membuat aduan kepada pengawal selia kerajaan	Jika Pihak Menuntut atau Pemilik Polisi tidak berpuas hati dengan cara pengendalian Kami, sila tulis kepada BNM, termasuk butir-butir cara pengendalian, jenis pertikaian, nama Kami, nombor Polisi, dan apa-apa surat-menyurat di antara Pihak Menuntut atau Pemilik Polisi dan Kami. Surat-menyurat boleh dihantarkan ke BNM: Pengarah, Jabatan LINK dan Pejabat Wilayah, Bank Negara Malaysia, Peti Surat 10922, 50929 Kuala Lumpur, atau melalui faksimili 03-2174 1515, atau e-mel di bnmlink@bnm.gov.my . Nombor telefon BNM adalah 1300-88-5465.
Bagaimana untuk menyelesaikan pertikaian melalui pengantara	Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OPK) boleh dihubungi oleh Pihak Menuntut atau Pemilik Polisi, sekiranya Pihak Menuntut atau Pemilik Polisi tidak berpuas hati dengan keputusan Etiqa Life Insurance Berhad terhadap sebarang pertikaian, atau kegagalan Etiqa Life Insurance Berhad untuk memberi maklum balas terhadap sebarang aduan dalam tempoh enam puluh (60) hari. Anda boleh menghubungi OPK melalui: Emel : enquiry@ofs.org.my atau Faks : 603-2272 1577 atau Alamat Pos: Ketua Pegawai Eksekutif, Ombudsman Perkhidmatan Kewangan Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia, No.4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000, Kuala Lumpur. Sebagai alternatif, Pihak Menuntut atau Pemilik Polisi boleh memfailkan pertikaian itu secara peribadi di pejabat OPK. OPK perlu dihubungi dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh keputusan muktamad dari Etiqa Life Insurance Berhad berkenaan pertikaian yang dibuat Pihak Menuntut atau Pemilik Polisi. Untuk maklumat lanjut mengenai OPK, sila dapatkan risalah maklumat daripada Etiqa Life Insurance Berhad atau layari laman web OPK di www.ofs.org.my . Penglibatan OPK adalah tertakluk kepada terma-terma rujukan menurut seksyen 126 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Menghubungi OPK tidak akan menjelaskan hak Pihak Menuntut atau Pemilik Polisi untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap Etiqa Life Insurance Berhad sekiranya mereka tidak berpuas hati dengan keputusan oleh OPK.
Bagaimana untuk menyelesaikan pertikaian melalui penimbangtara	Jika Pihak Menuntut atau Pemilik Polisi mempertikaikan keputusan yang telah Kami buat berkaitan dengan Polisi ini, dan tidak mahu untuk menggunakan pengantara bagi pertikaian itu, atau tidak menerima keputusan OPK selepas pengantara, Pihak Menuntut atau Pemilik Polisi boleh merujuk kepada penimbangtara. Permohonan untuk rujukan hendaklah dibuat dalam tempoh dua belas (12) bulan daripada pemberitahuan keputusan tersebut. Pihak Menuntut atau Pemilik Polisi dan Kami akan cuba untuk sama-sama bersetuju untuk melantik seorang Penimbangtara. Jika Pihak Menuntut atau Pemilik Polisi dan Kami tidak dapat bersetuju dengan seorang Penimbangtara dalam tempoh satu (1) bulan notis timbangtara, maka Pihak Menuntut atau Pemilik Polisi dan Kami perlu melantik seorang Penimbangtara bagi setiap pihak, dan kedua-dua Penimbangtara akan melantik seorang pengadil. Pengadil hendaklah bersidang bersama Penimbangtara dan mempengerusikan persidangan mereka. Semua pelantikan hendaklah dibuat secara bertulis oleh pihak-pihak berkenaan yang membuat pelantikan tersebut.

	<p>Penimbangtara (dalam hal di mana Pihak Menuntut atau Pemilik Polisi dan Kami bersetuju untuk seorang Penimbangtara), atau Penimbangtara-Penimbangtara dan pengadil (dalam hal di mana Pihak Menuntut atau Pemilik Polisi dan Kami tidak bersetuju dengan seorang Penimbangtara), hendaklah mengkaji semula pertikaian itu dan membuat keputusan. Keputusan timbangtara akan merangkumi penyelesaian pertikaian dan kos timbangtara. Keputusan timbangtara tidak boleh dipertikaikan dan mengikat kedua-dua pihak iaitu Pihak Menuntut atau Pemilik Polisi dan Kami.</p>
--	--